

(4 Mac 2021) Berita Harian, p. 3

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

Lebih banyak hospital swasta jadi pusat vaksinasi

Pelaksanaan bantu capai sasaran beri 150,000 suntikan sehari

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Luqman Arif Abdul Karim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Lebih banyak hospital swasta akan terbabit sebagai pusat vaksinasi bagi fasa kedua dan ketiga Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, sekali gus dapat membantu mencapai sasaran memberi 75,000 hingga 150,000 suntikan sehari.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar, berkata Hospital Pantai sudah digunakan sebagai pusat vaksinasi untuk petugas kesihatan swasta pada fasa pertama program berkenaan dan pihaknya akan menambah lebih banyak hospital swasta untuk fasa kedua dan ketiga seperti diumumkan sebelum ini.

"Usaha giat akan dilakukan untuk memberi 75,000 ke 150,000 suntikan sehari untuk fasa seterusnya," kata Khairy dalam ciapan menerusi akaun Twitter rasminya, semalam.

Beliau mengulas ciapan bekas Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad yang menyarankan kerajaan membabitkan sektor swasta dalam pemberian vaksin COVID-19 supaya pengagihan menjadi lebih berkesan dan telus jika kapasiti hospital awam tidak mencukupi dan bagi mencapai sasaran 80 peratus imuniti kelompok.

Khairy sebelum ini dilaporkan berkata, kerajaan menyasarkan seramai 75,000 orang akan menerima suntikan vaksin dalam

tempoh sehari program vaksinasi di 600 pusat vaksinasi seluruh negara mulai bulan ini, manakala sasaran seterusnya bergantung kepada bekalan supaya 150,000 suntikan sehari boleh dilaksanakan membabitkan dos kedua.

Sementara itu, beliau yang juga Pengerusi bersama Jawatankuasa Jaminan Akses Vaksin (JKAV), memaklumkan kelompok ketiga vaksin Pfizer yang dihantar menerusi penerbangan dari kilang di Belgium, selamat tiba di tanah air semalam, membabitkan sebanyak

Bekalan vaksin ini sedang segera diagihkan ke pusat vaksinasi bagi memastikan lebih ramai dapat menerima suntikan pelalian mereka.

Khairy Jamaluddin Abu Bakar,
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi



138,060 dos.

Menerusi kelangsungan bekalan yang dimeterai melalui perjanjian pada peringkat Kerajaan Persekutuan itu, beliau berkata, ia mampu menjamin permintaan semasa di semua Pusat Pemberian Vaksin (PPV).

"Bekalan vaksin ini sedang se-

gera diagihkan ke pusat vaksinasi bagi memastikan lebih ramai dapat menerima suntikan pelalian mereka," katanya.

Pada 21 Februari lalu, bekalan pertama 312,390 dos vaksin Pfizer-BioNTech yang menjadi harapan negara untuk melawan wabak COVID-19 tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), sebelum Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan bermula pada 24 Februari.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah antara individu pertama disuntik bersama petugas barisan hadapan.

Program itu akan dilaksanakan dalam tiga fasa, dengan yang pertama membabitkan kira-kira 500,000 petugas barisan hadapan dijadualkan sehingga April.

Fasa kedua khusus untuk 9.4 juta warga emas berusia 65 tahun ke atas dan golongan berisiko tinggi serta orang kurang upaya (OKU) antara April hingga Ogos.

Fasa ketiga pula dijadual bermula Mei ini hingga Februari tahun depan membabitkan penduduk lain di negara ini berusia 18 tahun ke atas dengan sasaran lebih 13.7 juta orang.

LAPORAN HARIAN PEMBERIAN DOS 1 VAKSIN MENGIKUT NEGERI 2 MAC 2021

